



FOUZIAH AMIR

www.gpsbestari.com facebook.com/gpsbestari

bestari

**PENDIDIKAN:**

- Sijil Perguruan, Maktab Perguruan Bhasaa, Kuala Lumpur (1976 -1977)
- Sijil Pengajian Islam dari **Universiti Kebangsaan Malaysia** (1983)
- Ijazah Pendidikan Bimbingan & Kaunseling dari **Universiti Putra Malaysia** (1988-1992)
- Kaunselor Berdaftar (KB 00420)
- Sijil Perakuan Amalan Kaunseling (PA 00295).

**KERJAYA**

- Guru di SMKA Maahad Hamidiah, Kajang (1978-1988); SMK Taman Selayang, Gombak (1992-1993); SMKA Maahad Hamidiah, Kajang (1993-1996); dan SMK Seksyen 18, Shah Alam (2011-2012).
- Pegawai perkhidmatan pendidikan bukan guru (1978) dan pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah (1992, 2004, 2009)
- Jawatan terakhir Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Petaling Perdana (sehingga 15 Ogos 2015)

**ANUGERAH:**

- Pingat Pekerti Terpilih (PPT)
- Darjah Ahli Mahkota Selangor Yang Amat Mulia (AMS)
- Bintang Anugerah Jasa Cemerlang Pemadam (JCP)

Mohammed Ghazali menggunakan pendekatan kasih sayang



# Kongsi petua guru ikon

**U**staz Ghazali atau nama sebenarnya Mohammed Ghazali Hamzah, 61, begitu dikenali dalam kalangan warga sekolah khususnya di Selangor. Kata-kata nasihat dan hikmah yang beliau lontarkan menjadi panduan kalangan pendidik dan pelajar.

Anak kelahiran Kampung Jalan Kebun, Klang, Selangor ini merupakan bekas Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Petaling Perdana yang bersara pada 15 Ogos 2015. Sebelum itu, beliau menjadi guru dan pegawai perkhidmatan pendidikan pada 1978 hingga 2009.

Sumbangan beliau dalam membangunkan insan telah mendapat pengiktirafan iaitu Pingat Pekerti Terpilih (PPT); Darjah Ahli Mahkota Selangor Yang Amat Mulia (AMS); dan Bintang Anugerah Jasa Cemerlang Pemadam (JCP). Dalam perkhidmatan pendidikan pula, beliau dikurniakan Sijil Perkhidmatan Cemerlang oleh Kementerian Pendidikan pada 1998 dan 2010.

"Minat saya dalam bidang pendidikan sejak kecil lagi. Masa itu, saya jadi 'cikgu' kalangan rakan di bawah pokok manggis.

"Datuk saya, Shaari Khasanrawi memuji bakat saya sebagai cikgu dan mendoakan cita-cita saya tercapai," katanya.

**Ilmu milik ALLAH**

Mohammed Ghazali berkata, banyak kata-kata nasihat datuknya masih tersemat di hati untuk dijadikan panduan hidupnya dan pembakar semangat sebagai pendidik.

"Kata datuk, guru dalam bahasa Jawa adalah daripada dua perkataan yang digabungkan iaitu 'gu' atau 'digugu' bererti diikuti dan dipatuhi. 'Ru' bermaksud ditiru atau dicontohi. Ini bermakna kata-kata guru, murid mesti diikuti. Cikgu sebagai *uswatun hasanah* (contoh teladan yang baik) kepada pelajar.

"Jadi cikgu perlu hati yang kuat, sabar, tenang, jujur, ikhlas, telus dan bersih hati. Kata datuk, ubat hati ada lima iaitu membaca al-Quran dan maknanya; sentiasa berzikir, dirikan solat malam; berteman dengan orang soleh dan perbanyakkan puasa," katanya.

"Ilmu milik ALLAH. Untuk mengajar, ia datang dari hati cikgu yang bersih



Bersama pelajar Sekolah Maahad Hamidiah Kajang pada 1978.



Ketika menjadi ahli Jawatankuasa Induk Majlis Pegawai Pelajaran Daerah Malaysia (MPPDM) Cawangan Selangor.

dan tulus. Jika pelajar kurang beradab, namun lambat-laun akan terkesan. Ingat, walaupun cikgu ada kelulusan tinggi mahupun menggunakan alat bantuan mengajar berteknologi canggih sekalipun, ia tetapi tidak boleh mengubah seseorang pelajar kecuali dengan izin ALLAH.

"Jika ikhlas, ALLAH tanamkan ketenangan dalam hati. Cikgu yang berjiwa sakinah jika dihantar kelas hujung sekalipun, pelajar boleh jadi baik dan berjaya.

"Tanpa mengira rupa dan latar belakang pelajar, kita perlu muliakan, santuni, sayangi dan bimbing mereka sebagai hamba ALLAH yang diberi kemuliaan.

"Selalu berdoa kepada ALLAH sebelum mengajar agar dibuka hati murid untuk mudah menerima ilmu," ujar pasangan kepada Fauziah Ahmad, juga bekas guru.

**Pendekatan kasih sayang**

Personaliti Guru Bestari ini pernah mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Hamidiah, Kajang; SMK Taman Selayang, Gombak; SMKA Maahad Hamidiah, Kajang dan SMK Seksyen 18, Shah Alam.

"Pendekatan saya dalam mendidik adalah kasih sayang, menghormati dan memuliakan insan lain.

"Kerjaya cikgu merupakan satu ibadah. Jadi buatlah yang terbaik dan serahkan kepada ALLAH.

"Sewaktu menjadi Pengetua SMK Seksyen 18, saya setiap pagi dengan meronda di sekitar kawasan sekolah termasuk bilik guru, kelas, makmal dan kantin. Inilah peluang saya mendekati warga sekolah," katanya.

Tambah beliau, sebagai ketua perlu selalu dilihat dan didengar oleh orang

bawahannya.

Beliau juga memasyarakatkan sekolah tersebut yang kini menjadi sebuah sekolah menengah beraliran agama dan menjadi harapan masyarakat melalui tazkirah Magrib dan Isyak di masjid sekitar Shah Alam.

Selepas bersara, Mohammed Ghazali menjadi penceramah bagi *Training of Trainers* (TOT) untuk Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam); motivasi keibubapaan, murid, guru, agensi kerajaan dan bukan kerajaan; pra perkahwinan; dan penceramah bebas.

Selain itu, beliau yang pernah bercita-cita untuk berkhidmat sebagai sukarela dan beramal jariah selepas bersara, kini terlaksana apabila mengasaskan dan membuka Baitul Ruqyah Al-Ghazali (pusat rawatan psikospiritual atau syifa') pada akhir tahun lepas.